

Ahli PIDM

## PERADUAN DANA HARGA TETAP ASB & ASB 2 ON CONNECT

Dikemas kini pada 15 September 2021

### TEMPOH PERADUAN

1. Peraduan Dana Harga Tetap Jom ASB On Connect ("Peraduan") Hong Leong Islamic Bank Berhad 200501009144 (686191-W) (HLISB) bermula pada 1 Oktober 2021 dan berakhir pada 31 Disember 2021, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila mencapai sasaran promosi, bergantung kepada yang mana berlaku dahulu ("Tempoh Peraduan"), melainkan diberitahu sebaliknya.

### TERMA DAN SYARAT

2. Berikut adalah terma dan syarat (T&S) yang terpakai untuk Peraduan ini.

### KELAYAKAN

3. Untuk layak menyertai Peraduan ini, peserta (Pelanggan) perlu memenuhi kriteria berikut:
  - Pengguna sedia ada Hong Leong Connect Online Banking; **DAN**
  - Pemegang unit sedia ada dana Amanah Saham Bumiputera ("ASB") atau Amanah Saham Bumipuera 2 ("ASB2")

### KAEDAH PERADUAN

4. Untuk menyertai Peraduan ini, Pelanggan dikehendaki memenuhi syarat-syarat di bawah :
  - (a) Pelanggan dikehendaki melabur sejumlah minimum Ringgit Malaysia Lima Ratus ("RM500") ke dalam ASB atau ASB2 semasa tempoh peraduan dan
  - (b) Pelaburan perlu dilakukan melalui laman sesawang Hong Leong Connect Online Banking.
5. Pelanggan yang memenuhi syarat-syarat di atas akan layak menerima satu (1) tiket penyertaan. Pelanggan boleh melabur dengan jumlah yang lebih besar untuk mendapat lebih banyak tiket penyertaan.
6. Untuk mengelakkan sebarang keraguan:
  - (a) Tiket penyertaan akan diberikan berdasarkan setiap transaksi, dalam gandaan RM500, dan bukannya berdasarkan jumlah pelaburan terkumpul.
  - (b) Tiada had kepada jumlah penyertaan untuk setiap Pelanggan. Namun, setiap pelanggan hanya layak untuk memenangi satu (1) hadiah sahaja.
  - (c) Illustrasi kelayakan ganjaran adalah seperti dibawah

Senario	Butiran Pelaburan	Kelayakan Dan Justifikasi
Scenario 1	Pelaburan berjumlah 1) RM800 ke dalam ASB dalam satu transaksi 2) RM200 ke dalam ASB2 dalam satu transaksi	Layak untuk 1 tiket penyertaan untuk pelaburan RM800 di dalam ASB kerana menepati syarat pelaburan minima sebanyak RM500 dalam satu transaksi  Transaksi kedua sebanyak RM200 tidak memenuhi had pelaburan minima yang ditetapkan.

Ahli PIDM

Scenario 2	Pelaburan berjumlah 1) RM1,000 ke dalam ASB melalui 4 transaksi RM250 setiap satu transaksi 2) RM500 ke dalam ASB2 dengan satu transaksi	Layak untuk 1 tiket penyertaan untuk pelaburan RM500 di dalam ASB2 kerana menepati syarat pelaburan minima sebanyak RM500 dengan satu transaksi  Pelaburan di dalam ASB tidak memenuhi had pelaburan minima yang ditetapkan
Scenario 3	Pelaburan berjumlah RM1,800 ke dalam ASB dengan satu transaksi	Layak untuk 3 tiket penyertaan kerana menepati syarat pelaburan minima sebanyak RM500 dengan satu transaksi dan di dalam gandaan RM500
Scenario 4	Pelaburan berjumlah RM3,000 ke dalam ASB, dengan 1) RM1,800 dengan satu transaksi 2) RM1,200 dengan satu lagi transaksi	Layak untuk 3 tiket penyertaan untuk pelaburan pertama, dan tambahan 2 tiket penyertaan untuk pelaburan seterusnya. Kedua-dua pelaburan menepati syarat pelaburan minima sebanyak RM500 melalui satu transaksi, dalam gandaan RM500 dan tidak terkumpul.
Scenario 5	Pelaburan berjumlah RM500, dengan 1) RM250 ke dalam ASB 2) RM250 ke dalam ASB2  Kedua-dua pelaburan dibuat pada hari yang sama	Tidak layak kerana tidak memenuhi had pelaburan minima yang ditetapkan sebanyak RM500 dengan satu transaksi

#### HADIAH YANG DITAWARKAN

7. Berikut adalah hadiah yang ditawarkan untuk Peraduan ini

<b>Nilai Hadiah</b>	<b>Jumlah Pemenang &amp; Kriteria Yang Ditetapkan</b>
RM500 (500 unit ASB/ASB2)	15 pemenang, berdasarkan kepada 15 Pelanggan yang disenarai pendek pertama yang telah berjaya menjawab SMS dengan jawapan yang betul mengikut format dan dalam tempoh masa terpantas
RM100 (100 unit ASB/ASB2)	50 pemenang, berdasarkan kepada 50 Pelanggan yang disenarai pendek seterusnya yang telah berjaya menjawab SMS dengan jawapan yang betul mengikut format dan dalam tempoh masa terpantas
RM50 (50 unit ASB/ASB2)	85 pemenang, berdasarkan kepada 85 Pelanggan yang disenarai pendek terakhir yang telah berjaya menjawab SMS dengan jawapan yang betul mengikut format dan dalam tempoh masa terpantas

Ahli PIDM

**PEMILIHAN PEMENANG BAGI PERADUAN DAN PENUNAIAN HADIAH**

8. Pemenang Peraduan akan dipilih melalui cara berikut:
  - (a) Pelanggan yang memenuhi syarat seperti yang tertera di Klausula 6 dan memperolehi tiket penyertaan akan disenarai pendek untuk Peraduan;
  - (b) Empat ratus (400) Pelanggan yang layak akan dipilih secara rawak dalam empat puluh lima (45) hari bekerja dari Tempoh Peraduan berakhir (Pelanggan yang disenarai pendek).
9. Pelanggan yang disenarai pendek akan dihubungi melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("SMS") oleh Syarikat Perkhidmatan Servis Pesanan Ringkas yang dilantik atas usaha terbaik sebanyak SEKALI sehari pada bila-bila masa pada waktu pejabat (Isnin hingga Jumaat dari jam 9.00 pagi hingga 5:00 petang) melalui nombor telefon terkini yang diberikan oleh Pelanggan yang disenarai pendek yang direkod dalam sistem HLISB untuk menjawab satu (1) soalan dalam tempoh masa terpantas. Perkhidmatan SMS untuk Peraduan ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D), vendor SMS yang dilantik secara rasminya oleh pihak Bank ("M3 Tech").
10. Jika Pelanggan yang disenarai pendek mereka tidak berjaya menjawab soalan dengan betul / tidak menjawab soalan yang dikemukakan oleh HLISB atau Syarikat Perkhidmatan Servis Pesanan Ringkas yang dilantik melalui SMS dalam tempoh satu (1) hari calendar, maka Pelanggan yang disenarai pendek akan hilang kelayakan untuk menyertai Peraduan ini..
11. Seratus lima puluh (150) Pelanggan yang disenarai pendek yang berjaya menjawab SMS dengan jawapan yang betul mengikut format dan dalam tempoh masa terpantas seperti yang diarahkan dalam SMS yang dihantar oleh HLISB atau Syarikat Perkhidmatan Servis Pesanan Ringkas dilantik dianggap sebagai pemenang hadiah ("Pemenang") bagi hadiah Peraduan.
12. Pelanggan yang disenarai pendek hendaklah menanggung kos telekomunikasi yang dikenakan untuk setiap SMS yang dihantar ke Bank semasa menyertai Peraduan ini.
13. HLISB di luar kawalannya tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran atau penerimaan sebarang SMS ke atau daripada mana-mana pembekal perkhidmatan telekomunikasi yang mungkin menyebabkan Pelanggan yang disenarai pendek tidak dapat menyertai Peraduan ini.
14. Pengumuman Pemenang dan penyerahan hadiah adalah seperti berikut ("Pengumuman Pemenang"):

Pemenang	Pengumuman Pemenang	Penunaian Hadiah
Hadiah Peraduan	Dalam tempoh 60 hari bekerja selepas tamat Tempoh Peraduan	Hadiah akan dikreditkan ke dalam akaun ASNB pemenang Peraduan dalam bentuk unit ASB; atau dalam unit ASB2 sekiranya unit boleh beli (UBB) ASB pemenang Peraduan sudah penuh.

15. Pelanggan juga harus memastikan akaun ASB/ASB2 mereka aktif dan sah, dan mempunyai UBB sekurang kurangnya 500 unit untuk memastikan hadiah berjaya dikreditkan. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan hadiah itu terbatal. Tiada pemilihan penggantian yang akan dibuat sekiranya berlakunya pembatalan.

Ahli PIDM

16. Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak Bank melalui SMS atau apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh pihak Bank ("Pemberitahuan Pemenang") berdasarkan usaha terbaik menghubungi nombor telefon terkini yang direkodkan dalam sistem Bank.
17. Pelanggan bertanggungjawab untuk memberikan nombor telefon terkini kepada pihak Bank. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya tidak dapat menghantar / menyampaikan Pemberitahuan Pemenang disebabkan nombor telefon yang tidak sah atau tidak tepat yang diberikan oleh Pelanggan, atau SMS yang tidak dapat dihantar kerana apa jua sebab.
18. Pihak Bank di luar kawalannya tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kelewatan dalam memaparkan sebarang langganan ASNB dalam akaun Pelanggan yang layak, di mana kegagalan tersebut boleh menyebabkan Pelanggan yang layak tersebut hilang kelayakan untuk menyertai Peraduan.
19. Semua hadiah hendaklah diterima seadanya oleh Pemenang dan tidak boleh ditukar milik. HLISB berhak untuk menggantikan hadiah dengan apa-apa hadiah lain yang sama nilai sekiranya kemungkinan disebabkan oleh tidak adanya model hadiah atau kerana keadaan yang tidak dapat dijangka atau sebagainya.

#### **TRANSAKSI PRODUK PELABURAN**

20. Pelaburan dalam Dana Harga Berubah ASNB menggunakan dana yang dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") adalah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini.
21. Semua terma dan syarat yang sedia ada, peraturan dan undang-undang yang mengawal urusniaga Pelaburan Terpilih adalah diguna pakai.
22. Terma dan syarat yang mengawal urus niaga Unit Amanah dan produk Pelaburan Terpilih ditentukan dalam Prospektus terkini dan Prospektus Tambahan (jika ada) yang telah didaftarkan dan diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang akan ditadbir oleh dan dikawal selaras dengan Akta Pasaran Modal Dan Perkhidmatan 2007 (sebagaimana yang dipinda) dan garis panduan dan arahan yang berkaitan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.
23. Penafian Unit Amanah: -
  - (a) Dokumen ini tidak boleh dianggap sebagai tawaran atau pelawaan untuk melanggan unit amanah dan tidak boleh dianggap sebagai tawaran oleh HLISB atau Hong Leong Bank Berhad (HLBB) untuk langganan unit amanah oleh sesiapa.
  - (b) Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan prospektus yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, sebelum melabur.
  - (c) Salinan prospektus boleh didapati dari mana-mana cawangan HLBB dan HLISB atau pejabat Pengurus Dana. Salinan elektronik prospektus ini juga boleh didapati di laman sesawang HLISB di <https://www.hlisb.com.my/asnb>
  - (d) Sebarang terbitan unit yang berkaitan dengan prospektus hanya akan dibuat apabila menerima borang permohonan yang dirujuk dan disertakan dengan salinan prospektus.
  - (e) Pelabur perlu mengambil perhatian bahawa terdapat yuran dan caj yang terlibat dalam pembelian unit amanah.
  - (f) Pelabur dinasihatkan untuk menimbangkan yuran dan caj yang terlibat sebelum melabur dan merujuk kepada penasihat kewangan atau penasihat profesional lain yang berlesen, jika ragu-ragu tentang apa-apa ciri atau sifat dana.
  - (g) Sila ambil perhatian bahawa harga unit dan pengagihan yang perlu dibayar, jika ada, boleh turun atau naik.

Ahli PIDM

- (h) Prestasi dana yang lalu tidak menunjukkan prestasi masa depannya.
- (i) Pulangan atas pelaburan unit amanah tidak dijamin dan unit amanah bukan merupakan deposit bank atau bukan kewajipan HLISB atau HLBB dan tidak dijamin atau diinsuranskan oleh HLISB atau HLBB dan tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kehilangan jumlah pokok yang dilaburkan.
- (j) Skim unit amanah dan unit dalam skim sedemikian tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM"), dan apa-apa wang yang dikeluarkan daripada deposit yang diinsuranskan untuk tujuan membeli mana-mana unit dalam skim unit amanah tidak dilindungi oleh PIDM.

#### **KEPERLUAN TEKNIKAL**

24. HLISB tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang masalah yang disebabkan atau berkait dengan sambungan rangkaian internet, aplikasi perisian atau sistem. HLISB tidak akan bertanggungjawab terhadap sesiapa untuk sebarang keadaan diluar kawalannya, sebarang kelewatan atau arahan yang tidak diterima atau permintaan yang dibuat oleh sesiapa.

#### **AM**

25. Dengan menyertai Peraduan ini, Pelanggan bersetuju:
- (a) terikat oleh T & S di sini;
  - (b) bahawa keputusan HLISB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Pelanggan; dan
  - (c) bertanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, bayaran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Peraduan tersebut.
26. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang perbuatan penipuan, menyalahi undang-undang atau telah diisyiharkan sebagai bankrap atau terlibat dalam sebarang prosiding kebankrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Peraduan dilarang menyertai atau akan dilucutkan kelayakannya dengan serta-merta untuk Peraduan ini.
27. HLISB berhak:
- (a) untuk membatalkan Peraduan dalam keadaan di mana terdapat pembalikan Pelanggan yang layak atau penamatkan Tempoh Peraduan pada setiap masa atau tidak mematuhi Terma dan Syarat yang terkandung di sini;
  - (b) untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, mengikut budi bicara HLISB dengan cara memaparkan di laman sesawang HLISB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLISB pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu;
  - (c) untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan atas sebab tidak mematuhi Terma dan Syarat yang mungkin dianggap sesuai oleh HLISB untuk menyertai Peraduan, dan
  - (d) menggantikan Ganjaran dengan barang lain dengan nilai yang sama pada budi bicara sendiri.
28. Hadiyah yang ditawarkan adalah dibiayai sepenuhnya oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan tidak boleh dipindah milik atau ditukar ganti dan tidak boleh ditukarkan untuk wang tunai. HLISB tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang cukai atau masalah yang mungkin timbul dari Hadiah itu.

Ahli PIDM

29. T&S di sini dan Terma dan Syarat Umum Akaun hendaklah dibaca bersama sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan, T&S khusus ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
30. T&S akan ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk mengemukakan kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

#### **UNIT AMANAH TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM**

Prospektus Induk Gantian ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020 dan Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 (“Prospektus”), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serahan Produk yang terdapat di laman sesawang ([www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.